

02/09/2001

Malam Deklamasi Angkasapuri janjikan kelainan

KUALA LUMPUR: Malam Deklamasi Angkasapuri, malam ini cukup istimewa apabila penonton berpeluang menghayati semula sajak Melayu Mudah Lupa yang dibacakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno, Mei lalu.

Bagaimapun, sajak itu akan digubah menjadi lagu puisi yang didendangkan penyanyi Safura dengan iringan Simfoni Orkestra RTM.

Program yang disiarkan secara langsung itu adalah anjuran RTM dan Berita Harian Sdn Bhd. Perdana Menteri dijangka hadir. Orang ramai boleh memeriahkannya dengan mendapatkan tiket percuma daripada Balai Pengawal Angkasapuri.

Malam Deklamasi Angkasapuri kali ini menjanjikan kelainan dan kepuasan kepada peminat puisi menerusi persembahan empat segmen iaitu ketuhanan, cinta, keluarga dan patriotisme.

Penampilan artis, penyair terkenal serta orang kenamaan dijangka memantapkan program yang diadakan di Auditorium Perdana, Angkasapuri.

Artis terkenal yang turut menjayakan persembahan malam ini ialah Ramli Sarip, Aishah, Koprata, Ras Adiba Radzi, Safura dan Nora.

Selain itu, penyanyi lagu puisi, Ahmad Ramli dan Abu Bakar Ellah manakala penyair pula, seperti Lim Swee Tin, Prof Madya Dr Siti Zainon Ismail, Wan Omar Wan Ahamed (Sutung Umar RS), Tengku Khalidah Bidin, Intan Marhayu dan Rahimidin Zahari.

Safura juga akan melagukan puisi Sesekali karya Swee Tin, menerusi segmen cinta; manakala Ramli Sarip dan Ahmad Ramli masing-masing akan melagukan puisi Taman Rohani dan Katakan Padaku menerusi segmen ketuhanan.

Acara itu bertujuan menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan rakyat, akan turut menyaksikan bakat menyanyi Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob, yang akan menyampaikan lagu Permata Untuk Isteri.

Sutung Umar RS akan mendeklamasikan puisi Akan Kau Dengarkah. Puisi Pesan Ibu Beribu-Ribu karya Prof Madya Rahman Shaari pula menjadi pilihan anaknya, Intan Marhayu manakala Sesetia Malam Pada Siang (Siti Zaleha Hashim) akan didendangkan oleh Aishah.

Wartawan hiburan yang juga pendeklamasi sajak, Tengku Khalidah akan menyampaikan sajak Aku Anak Kroni karya Rahman.

Puisi Dabus Rohani karya Khalid Salleh dan Tetamu Senja (Datuk A Samad Said) akan dilagukan Koprata dan Sekepal Tanah pula dideklamasikan penyairnya sendiri, Rahimidin Zahari.

Tidak ketinggalan Pensyarah Budaya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Siti Zainon Ismail yang juga penyair dan pelukis akan mendeklamasikan puisinya, Altar Akhir.

Penyair dan Pensyarah Sastera Universiti Putra Malaysia (UPM) Lim Swee Tin, akan mendeklamasikan puisi Warga Malaysia manakala Tanah Air karya Datuk Usman Awang akan disampaikan Koir RTM.

Abu Bakar Ellah tidak ketinggalan beraksi dan beliau akan menyanyikan Orang Kita.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sabah, Zaini Ozea, tampil bersama Gebung Kedebang dan Kumpulan Ibrahim Bachik (Bicara Teman Lama).

(END)